

The Peak Residences siap 2013

GEORGE TOWN - The Peak Residences, projek kondominium mewah bakal menjadi satu lagi mercu tanda baru di kawasan kediaman di Mount Erskine, Tanjung Tokong dekat sini.

Projek eksklusif yang mempunyai panorama

laut Batu Feringghi itu dimajukan oleh syarikat pemaju hartanah terkenal di negeri ini iaitu Ivory Properties Group (Ivory) yang akan dimulakan pada bulan Jun ini dan dijangka siap menjelang tahun 2013.

Pengarah Urusan Ivory, Datuk Low Eng Hock berkata, projek yang terletak di Lebuhraya Halia itu akan dibangunkan di atas tanah seluas kira-kira 5.48 hektar dengan membabitkan dua fasa.

"Fasa pertama melibatkan pembinaan tiga blok kondominium setinggi 38 tingkat dengan memiliki 609 unit kediaman termasuk 30 unit ruang niaga dua tingkat di bahagian bawah tempat letak kereta.

"Ia turut membabitkan pembinaan satu blok kondominium setinggi 38 tingkat dengan memiliki 564 unit kediaman kos sederhana rendah.

"Fasa kedua pula merupakan pembinaan dua blok kondominium setinggi 38 tingkat yang mengandungi 292 unit kediaman dan lapan unit kedai pejabat setinggi empat tingkat," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Menariknya, The Peak Residences merupakan satu projek baru yang dibangunkan atas keagungan pemaju asalnya, Gewaris Sdn. Bhd. menyalakan projek membangunkan apartmen kos sederhana rendah di lokasi tersebut.

Projek terbengkalai tersebut sebelum ini



PENGUNJUNG galeri jualan Ivory melihat salah satu model kondominium di George Town baru-baru ini.

dianggarkan bernilai di antara RM80 juta sehingga RM100 juta tetapi melalui pengambilalihan dan penstrukturan semula projek berkenaan, nilai pembangunan kasar (GDV)nya kini telah mencelah sehingga RM415.7 juta.

Sebelum ini, Ivory turut terkenal sebagai syarikat pemaju yang berjaya membangunkan projek terbengkalai di negeri berkenaan seperti projek The View Twin Towers di Batu Uban, Tanjung Park di Tanjung Tokong dan Plaza Ivory di Bukit Gambir di sini.